

## 15 operasi pembenihan awan di KTA Empangan Air Itam

Oleh Nur Izzati Mohamad - April 16, 2022



GEORGETOWN: Sebanyak 15 operasi pembenihan awan untuk mencetuskan hujan bagi meningkatkan kapasiti air di Empangan Air Itam akan dilaksanakan sepanjang April hingga Ogos ini.

Operasi dengan kebenaran kerajaan Pulau Pinang itu akan dilaksanakan Badan Kawal Selia Air Negeri (BKSA) dan dibantu Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk Jaseni Maidinsa, berkata pihaknya menulis surat kepada Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan negeri, Zairil Khir Johari pada Selasa lalu memohon pembenihan awan dilaksanakan di kawasan tadahan air (KTA) Empangan Air Itam.

"Hasilnya semalam, Zairil Khir memaklumkan kepada PBAPP bahawa BKSA akan melaksanakan pembenihan awan seperti diminta oleh PBAPP.

"Operasi pembenihan awan akan dilaksanakan dari April hingga Ogos, dengan tumpuan untuk mencetus hujan secara khusus di KTA Empangan Air Itam," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Jaseni berkata, pembenihan awan diperlukan memandangkan Empangan Air Itam masih berada di bawah status `amaran' kerana kapasiti efektif yang rendah iaitu 39 peratus setakat semalam.

"Baru-baru ini, terdapat sedikit hujan di Air Itam, namun Empangan Air Itam masih berada di bawah status amaran.

"Justeru, pembenihan awan diperlukan sebagai pencegahan krisis bekalan air di Air Itam dan kawasan sekitarnya dengan mengisi semula empangan dengan air mentah sebanyak mungkin sebelum musim hujan yang dijangka pada September nanti.

"Dalam pada itu, ia adalah sebagai persediaan musim kemarau seterusnya yang sepatutnya bermula dari 1 Januari tahun hadapan," katanya.

Jelasnya, punca utama penyusutan empangan berkenaan adalah disebabkan taburan hujan yang rendah di KTA sejak 1 Januari lalu serta permintaan air harian yang tinggi di perbandaran Air Itam dan kawasan sekitarnya.

"Pada 2020, kerajaan negeri membiayai kempen pembenihan awan untuk mencegah krisis air di Pulau Pinang, apabila kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang berada pada tahap paling rendah iaitu 16 peratus, sekali gus membantu memastikan perkhidmatan bekalan air yang baik dan tiada catuan air di negeri ini," katanya.